

KUNDASANG SAJA KITA BAH

Oleh: Asyraful Aqwa bin Wira, 1171085,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 18 Ogos 2020

Tahukah bahawa Kundasang merupakan salah satu destinasi pelancongan yang terkenal di seluruh dunia?

Kundasang juga telah memikat hati ramai orang termasuklah kenalan, rakan dan saudara-mara kita.

Kepada yang belum tahu, Kundasang di Ranau, Sabah hanya terletak 6 kilometer (km) dari Taman Negara Kinabalu yang menempatkan Gunung Kinabalu.

Kundasang merupakan kawasan tanah tinggi, kira-kira 1.9 km tinggi dari paras laut dan juga merupakan kawasan yang beriklim sejuk.

Terdapat pelbagai inap desa, rumah tamu, teratak dan kabin yang unik di sekitar kawasan ini. Perjalanan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu ke Kundasang mengambil masa lebih kurang dua jam dengan jarak 95 km.

Jadi, buat apa jauh-jauh, Kundasang saja kita bah.

Ladang Lembu Tenusu Desa



Tempat ini pasti membuat anda mahu datang ke Kundasang berkali-kali. Dengan pemandangan lembu-lembu susu di padang rumput yang menghijau serta pemandangan Gunung Kinabalu yang indah, ia kelihatan seperti di New Zealand.

Ladang ternakan tenusu ini terletak 100 km dari bandar Kota Kinabalu. Kalau boleh, datanglah seawal yang mungkin, sebaik-baiknya sebelum jam 8.30 pagi, sebelum Gunung Kinabalu ditutup awan tebal.

Jangan lupa untuk membawa baju tebal kerana suhu di sini agak sejuk, serendah 20 darjah Celsius.

Di sini, anda boleh melihat lembu-lembu tenusu baka Holstein Friesian memakan rumput. Bukan itu sahaja, anda boleh melawat kilang memproses susu kira-kira 500 meter dari ladang ini.

Proses pemerahan susu dilakukan setiap hari dari jam 2.30 petang hingga 4.30 petang pada hari Selasa, Khamis dan Ahad mulai jam 10 pagi hingga 3 petang.

Anda juga boleh memberi makan rumput dan susu kepada anak-anak lembu dan kambing di kandang khas dari jam 9 pagi hingga 4 petang.

Ladang Strawberi Tanah Tinggi Mesilou



Ladang strawberi ini terletak di Kampung Mesilou, Kundasang. Strawberi di sini manis-manis belaka dan terdiri daripada variasi *seolhyan* dari Korea, *sweet charlie* dari Jepun dan *jive* dari Holland.

Jika mahu ke sini, anda dinasihatkan untuk menghubungi ladang ini terlebih dahulu untuk memastikan ada strawberi yang boleh dipetik.

Ladang ini juga akan ditutup secara berkala untuk memberi ruang kepada proses penanaman dan penambahbaikan ladang.

Di sini, anda boleh memetik buah strawberi segar dan memakannya bersama coklat cair yang disediakan di sini.

Selain strawberi, pengunjung juga boleh melihat tanaman lain seperti lobak putih. Ada sungai di kawasan ladang ini dan pengunjung boleh bermandi-manda di sini.

Tugu Peringatan Perang Kundasang



Lokasi ini merupakan tempat peninggalan sejarah di Kundasang. Ia merupakan salah satu tugu peringatan untuk mengenang keberanian Tawanan Perang Australia dan Inggeris yang gugur di Sandakan dan dalam perjalanan maut ke Ranau semasa Perang Dunia Kedua.

Ada empat taman di sini iaitu Taman Inggeris, Australia, Borneo dan Taman Renungan. Apa yang lebih menarik, anda boleh berjalan di sini sambil menikmati keindahan bunga ros dalam suasana sejuk, seolah-olah berjalan di sebuah taman kota London.

Memang banyak tempat menarik di Kundasang yang boleh dikunjungi oleh rakyat Malaysia dalam keadaan sempadan masih belum dibuka untuk melancong ke luar negara.

Jadi, rancanglah percutian ke Kundasang mulai sekarang. Dijamin anda pasti tak menyesal datang ke sini.